

JAWAB SEMUA SOALAN
BAHAGIAN A
(50 MARKAH)

1. Solat terbagi kepada dua (2) bahagian iaitu Solat Wajib dan _____.
A Solat Makruh
B Solat Sunat
C Solat Haram
D Solat Jema'ah

2. Berikut merupakan contoh solat-solat sunat **kecuali**
A Solat Jumaat.
B Solat Sunat Rawatib.
C Solat Sunat Terawikh
D Solat Sunat Tahiyatul Masjid.

3. Bilangan raka'at paling banyak bagi Solat Sunat Dhuha ialah sebanyak
A 4 raka'at
B 6 raka'at.
C 8 raka'at.
D 10 raka'at.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan Solat Sunat Tahiyatul Masjid?
A Solat menziarahi masjid.
B Solat menghormati masjid.
C Solat mengimarahkan masjid.
D Solat melangkah ke dalam masjid.

5. Apakah solat yang boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja kecuali pada waktu-waktu yang diharamkan?
A Solat Sunat Dhuha.
B Solat Sunat Wudhuk.
C Solat Sunat Hajat.
D Solat Sunat Mutlak.

6. Berikut merupakan waktu yang dibenarkan untuk melakukan solat sunat **kecuali**
- A Solat sunat selepas Solat Fardhu 'Asar
 - B Solat sunat selepas Solat Fardhu Maghrib
 - C Solat sunat sebelum Solat Fardhu 'Isyak
 - D Solat sunat selepas Solat Fardhu 'Isyak.
7. Maksud haji dari segi bahasa ialah _____.
- A tujuan
 - B perjalanan
 - C menziarahi
 - D mengunjungi
8. Ibadah Haji merupakan rukun Islam yang ke _____.
- A dua (2)
 - B tiga (3)
 - C empat (4)
 - D lima (5)
9. Maksud umrah dari segi syarak ialah _____.
- A ziarah
 - B melawat
 - C mengunjungi
 - D menziarahi Kaabah dan tawaf disekelilingnya, mengerjakan Sa'i di antara Safa dan Marwah serta bercukur.
10. Berpakah jumlah Rukun Umrah?
- A Dua (2).
 - B Tiga (3).
 - C Empat (4).
 - D Lima (5).

11. Apakah hukum berpuasa di bulan Ramadhan?
- A Wajib.
 - B Sunat.
 - C Harus.
 - D Makruh.
12. Puasa dari segi bahasa bermaksud _____.
- A Membela diri
 - B Menjauhkan diri
 - C Memujuk diri
 - D Menahan diri daripada makan dan minum
13. Puasa terbahagi kepada _____ bahagian.
- A Dua (2)
 - B Tiga (3)
 - C Empat (4)
 - D Lima (5)
14. Siapakah yang diwajibkan melakukan ibadah puasa di bulan Ramadhan?
- A Orang Islam yang mukallaf
 - B Orang Islam yang tidak waras.
 - C Kanak-kanak Islam yang belum baligh dan mumaiyyiz.
 - D Orang Islam yang sakit dan tidak mempunyai harapan untuk sembuh.
15. Apakah hukum sengaja meninggalkan puasa di bulan Ramadhan?
- A Sunat.
 - B Makruh.
 - C Tidak berdosa.
 - D Haram dan berdosa.

16. Berapakah rukun puasa Ramadhan?

- A Satu (1)
- A Dua (2)
- B Tiga (3)
- C Empat (4)

Ali dengan tidak sengaja telah termakan nasi goreng yang berada di dapur rumahnya pada bulan Ramadhan.

17. Berdasarkan situasi di atas, apakah kedudukan puasa bagi Ali?

- A Sah.
- B Makruh.
- C Tidak sah.
- D Tidak dikira.

18. Berikut merupakan perkara yang disunatkan untuk kita lakukan dalam bulan Ramadhan **kecuali**

- A Bersegera ketika berbuka.
- B Menyegerakan waktu sahur.
- C Melewatkan waktu sahur.
- D Menjaga lidah daripada menuturkan perkataan-perkataan yang keji.

19. Hukum berpuasa pada hari syak (30 Sya'ban).

- A Sah
- B Sunat
- C Makruh
- D Tidak sah,kecuali jika puasa yang dilakukan itu adalah puasa Qodho', puasa nazar dan puasa kaffarah.

20. Berikut merupakan golongan yang diberikan rukhsah (keringanan) untuk berbuka puasa **kecuali**.
- A Orang musafir.
 - B Orang yang sihat.
 - C Orang tua yang lemah.
 - D Orang sakit yang tiada harapan sembuh.
21. Hukum menunaikan Ibadah Haji bagi orang yang sihat dan mampu dari segi harta ialah
- A Sunat.
 - B Wajib.
 - C Makruh.
 - D Sunat Muakkad.
22. Berikut merupakan jenis-jenis Ibadah Haji **kecuali**
- A Haji Ifrad
 - B Haji Tammattuk
 - C Haji Qiran
 - D Haji Wida'
23. Berikut merupakan syarat wajib haji **kecuali**
- A Islam
 - B Baligh
 - C Berakal
 - D Gila

Melakukan haji dan umrah secara berasingan

24. Apakah jenis haji di atas?
- A Haji Qiran.
 - B Haji Wida'.
 - C Haji Ifrad.
 - D Haji Tamattuk.

25. Apakah yang dimaksudkan dengan wuquf dalam ibadah puasa?

- A Berhenti.
- B Berhenti di Arafah.
- C Mengelilingi Kaabah.
- D Berjalan antara Bukit Safa dan Marwah.

26. Berapakah bilangan Rukun Haji?

- A Tiga (3).
- B Empat (4).
- C Lima (5).
- D Enam (6).

27. Berikut merupakan larangan ketika berihram **kecuali**

- A Tidak boleh memakai pakaian yang berjahit bagi lelaki.
- B Tidak boleh memotong kuku.
- C Tidak boleh bercumbu-cumbuan.
- D Boleh memakai wangi-wangian.

28. Berapakah jenis tahallul yang ada di dalam Ibadah Haji?

- A Tahallul Asghar & Tahallul Akbar.
- B Tahallul Akthar & Tahallul Qolil.
- C Tahallul Jadid & Tahallul Qodim.
- D Tahallul Ifrad & Tahallul Qiran.

29. Apakah hukum sembelihan?

- A Wajib.
- B Sunat.
- C Makruh.
- D Sunat Muakkad.

30. Syarat alat untuk sembelihan mestilah _____.

- A baru
- B besar
- C tajam
- D tumpul

SOALAN 31 HINGGA 50 (BETUL / SALAH)

BETUL	A	SALAH	B
-------	---	-------	---

BIL	SOALAN	JAWAPAN
31	Sunat berselawat sebelum melakukan Ibadah Sembelihan.	
32	Penyembelih mestilah seorang yang beragama Islam.	
33	Diharuskan menyembelih haiwan yang cacat	
34	Disunatkan untuk melakukan Ibadah Aqiqah pada hari ke-8 kelahiran.	
35	Hukum melaksanakan Ibadah Aqiqah ialah Sunat.	
36	Pembahagian Aqiqah bagi anak lelaki ialah sebanyak 2 bahagian manakala anak perempuan sebanyak 1 bahagian.	
37	Maksud Aqiqah ialah penyembelihan binatang Al-An'am sempena kelahiran anak, sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT.	
38	Hukum melakukan Ibadah Korban ialah wajib.	
39	Ayam termasuk dalam kategori binatang yang boleh dikorbankan.	
40	Ibadah Korban dilakukan pada Hari Raya Aidiladha.	
41	Binatang yang disembelih mestilah putus urat halkum dan marikh.	
42	Daging Aqiqah sunat dimasakkan sebelum diagihkan.	
43	Seekor lembu mempunyai tujuh (7) bahagian.	
44	Disunatkan membaca Bismillahirrahmaanirrahim sebelum memulakan sembelihan	
45	Solat Sunat selepas Solat Fardhu 'Asar adalah waktu yang dilarang.	
46	Segala perkara-perkara sunat bagi Ibadat Haji merupakan perkara-perkara sunat bagi Ibadah Umrah.	
47	Maksud Haji ialah mengunjungi Baitullah di Mekah untuk melakukan beberapa amal ibadah pada bulan haji dengan rukun	

	dan syarat tertentu sebagai pelaksanaan Rukun Islam yang kelima.	
48	Wajib haji bagi kanak-kanak.	
49	Haji dan Umrah yang dilakukan secara serentak dinamakan sebagai Haji Tamattuk.	
50	Bermalam di Mina ialah termasuk dalam perkara-perkara wajib Haji.	